

# Sukan SEA: Usaha utk sertakan silat

<sup>1</sup> PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) akan membuat permohonan rasmi kepada Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura agar silat dan seni mempertahankan diri yang lain disertakan dalam Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) tahun depan di sini. - 7 FEB 1982

Bagaimanapun, silat dan seni mempertahankan diri yang lain itu tidak akan dijadikan acara pertandingan, tetapi ia lebih kepada satu tunjukkan dalam sukan yang disertai oleh negara-negara Asean, Brunei dan Burma itu.

Permohonan itu akan diajukan

<sup>2</sup> bila Majlis Tertinggi Sukan SEA mengadakan mesyuarat di sini pada Jun ini bagi menentukan acara-acara pertandingan sukan itu.

Ini dijelaskan oleh Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari H.M. Urif, semasa mengulas satu laporan dari Jakarta yang mengatakan bahawa Ikatan Pencak silat Seluruh Indonesia (Ipsi) akan meminta Singapura supaya menyertakan acara silat dalam sukan itu.

**Sambutan baik**

Katanya: "Apa yang kami fikirkan ialah bukan saja memohon supaya menyertakan acara silat,

<sup>3</sup> malah seni mempertahankan diri yang disertakan sebagai satu tunjukkan dalam sukan itu.

"Ini adalah sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan pertandingan seni mempertahankan diri itu ke arena antarabangsa."

Menjelaskan lebih lanjut, Encik Johari mengatakan bahawa sekiranya pihaknya hanya meminta seni silat saja untuk disertakan dalam sukan itu, harapannya adalah tipis.

Beliau merasa optimis usul Persisi itu dapat diterima memandangkan sambutan yang baik diberikan ketika Persatuan Para Instruktur Seni Pertahanan Diri Singapura mengadakan satu pertandingan di sini tahun lalu.

## PENCAK SILAT DI SUKAN SEA

# PENDEKAR KITA TAK SETUJU

<sup>1</sup> CADANGAN Indonesia supaya silat dijadikan salah satu acara rasmi dalam Sukan Sea adalah tidak praktikal. - 9 FEB 1982

Beberapa mahaguru pertubuhan silat yang berasingan berpendapat banyak masalah akan dihadapi sekiranya hasrat itu diterima.

Terdapat banyak jenis silat antaranya silat gayung, lincah, cekak dan kalimah. Kita terpaksa memilih satu darinya untuk dipertandingkan.

Bagaimanapun, pengelasan terhadap jenis silat boleh berpancukan penggunaan ilmu batin tetapi ia susah di kesan tanpa ditunjukkan sendiri oleh ahli silat yang mengamalkannya.

Negara-negara peserta, Brunei, Filipina, Thailand dan Singapura mempunyai sekurang-kurangnya satu jenis silat tradisional yang amat berbeza dengan yang terdapat di negara lain.

Untuk mengadakan pertandingan, acara itu mesti diseragamkan dari segi cara peserta-peserta bersilat dan pengadilan. Dan mengambil tindakan-tindakan tersebut serupalah seperti mencipta satu jenis silat terbaru.

Setiap negara akan menghantar peserta yang boleh mengalahkan lawan tanpa mengira jenis silat atau penggunaan ilmu batin.

Bila terdapat penggunaan ilmu batin, peserta yang mahu menjadi juara mungkin boleh menye-

tae kwan do, karate atau judo.

Perbezaan yang ketara ialah judo diamalkan dengan cara yang sama di semua tempat dan ia tidak menggunakan ilmu batin.

Untuk mengadakan pertandingan silat di Sukan Sea saja berbagai masalah timbul maka jika Malaysia mahu menyertainya, kita terpaksa berhadapan dengan masalah serius yang disebutkan dan terpaksa menerima bencana pertandingan silat bila ilmu batin turut

dipraktikkan.

Andainya Indonesia sangat berminat bertanding silat, mereka haruslah mencuba menganjurkannya sendiri.

Bagaimanapun, Indonesia mungkin mempunyai perancangan yang lengkap bagi menganjurkan pertandingan silat dan mereka akan mengutarakan selok-belok dan teknik pertandingan untuk membantu cadangan itu di mesyuarat Jawatankuasa Sukan Sea di Singapura, Jun depan.